

**BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD****NOTA AMALAN 20**  
**RENTI PERDAGANGAN**

<b>Perincian</b>	<b>Rujukan Silang</b>	
Tarikh kuat kuasa:	3 September 2007	Perenggan 16.04
Tarikh semakan:	3 Ogos 2009, 25 Mac 2013, 3 Mei 2016, 2 Januari 2018	

**1.0 Pengenalan**

- 1.1 Menurut perenggan 16.04 Kehendak-Kehendak Penyenaraian, renti perdagangan boleh dikenakan ke atas sekuriti penerbit tersenarai oleh Bursa apabila pengumuman material dibuat oleh penerbit tersenarai sebelum atau semasa waktu perdagangan.
- 1.2 Tujuan renti perdagangan adalah untuk membolehkan penyebaran maklumat material yang dizahirkan dan memudahkan penilaian maklumat itu.
- 1.3 Nota Amalan ini memperuntukkan mengenai yang berikut:
- (a) jenis pengumuman material yang mewajarkan renti perdagangan; dan
  - (b) tempoh renti perdagangan.
- 1.4 Tiada apa-apa dalam Nota Amalan ini boleh dibaca sebagai menyekat kuasa Bursa untuk menggantung perdagangan sekuriti penerbit tersenarai menurut perenggan 16.02 Kehendak-Kehendak Penyenaraian.

**2.0 Pengumuman material yang mewajarkan renti perdagangan**

- 2.1 Bagi maksud perenggan 16.04 Kehendak-Kehendak Penyenaraian, suatu pengumuman yang berhubungan dengan mana-mana perkara yang berikut dianggap sebagai pengumuman material:
- (a) laporan kewangan interim;
  - (b) terbitan bonus atau aktiviti pengumpulan dana lain;
  - (c) pembahagian kecil syer atau penyatuan oleh penerbit tersenarai;
  - (d) transaksi yang menghendaki suatu pengumuman dibuat di bawah Bab 10 Kehendak-Kehendak Penyenaraian;

- (e) perisytiharan dividen atau pengagihan;
- (f) perubahan pemegang syer mengawal atau pemegang unit mengawal penerbit tersenarai;
- (g) notis pengambilalihan disampaikan kepada penerbit tersenarai;
- (h) penggulungan penerbit tersenarai atau mana-mana subsidiarinya atau syarikat bersekutu utamanya sebagaimana yang diumumkan di bawah perenggan 9.19(19) Kehendak-Kehendak Penyenaraian;
- (i) penolakan cadangan korporat yang diumumkan terdahulu oleh pemegang syer atau pihak berkuasa kawal selia;
- (j) anggaran, ramalan, unjuran atau sasaran dalaman kewangan penerbit tersenarai dan apa-apa hal keadaan atau perkembangan yang berkemungkinan mempengaruhi secara material hasil atau natijah perkara yang sama;
- (k) apa-apa pengumuman penjelasan menurut Bab 9 Kehendak-Kehendak Penyenaraian termasuk maklum balas terhadap khabar angin atau laporan atau aktiviti pasaran yang tidak biasa; atau
- (l) apa-apa pengumuman lain yang Bursa anggap material menurut perenggan 9.03(2) Kehendak-Kehendak Penyenaraian..

### **3.0 Tempoh renti perdagangan**

- 3.1 Jika pengumuman material dibuat semasa waktu perdagangan, renti perdagangan yang dikenakan oleh Bursa adalah selama 1 jam atau sehingga akhir sesi perdagangan itu, mengikut mana-mana yang lebih awal. Tempoh renti perdagangan yang boleh dikenakan oleh Bursa adalah seperti yang berikut:

	<b>Masa untuk Membuat Pengumuman Material</b>	<b>Tempoh Renti Perdagangan</b>
(i)	Sebelum bermulanya perdagangan pada pukul 9.00 pagi	9.00 a.m. hingga 10 a.m.
(ii)	9.00 a.m. hingga 11.00 a.m.	1 jam dari masa pengumuman material dibuat
(iii)	Selepas 11.00 a.m. dan sebelum 12.30 tengah hari	Dari masa pengumuman penting dibuat hingga 12.30 tengah hari
(iv)	12.30 p.m. hingga 1.30 p.m.	Tiada renti perdagangan dikenakan
(v)	Selepas 1.30 p.m. hingga 2.30 p.m.	2.30 p.m. hingga 3.30 p.m.
(vi)	Selepas 2.30 p.m. hingga 3.30 p.m.	1 jam dari masa pengumuman material dibuat
(vii)	Selepas 3.30 p.m. dan sebelum 5.00 p.m.	Dari masa pengumuman material dibuat hingga 5.00 p.m.

**Nota Amalan 20  
Renti Perdagangan**

- 
- 3.2 Walau apa pun perenggan 3.1 di atas, Bursa boleh, mengikut budi bicaranya, menggantung perdagangan sekuriti penerbit tersenarai sepanjang hari atau apa-apa tempoh yang difikirkan sesuai oleh Bursa.
  - 3.3 Bagi mengelakkan keraguan, tempoh renti perdagangan sebagaimana yang dinyatakan dalam Nota Amalan ini tidak terpakai bagi sekuriti penerbit tersenarai yang digantung menurut suatu permintaan bagi penggantungan di bawah perenggan 16.03 Kehendak-Kehendak Penyenaraian dan Nota Amalan 2. Oleh itu, sekuriti penerbit tersenarai yang digantung tidak akan disebut harga semula pada hari yang sama yang pengumuman berkenaan dibuat.